

**PRUDENTIAL BSN**

TAKAFUL



**PruBSN CRISISCOVER**

DI KALA MEMERLUKAN, KAMI SENTIASA BERSAMA ANDA.



# KERANA ANDA PATUT MENERIMA YANG TERBAIK

Ramai antara kita tidak sedar tentang kepentingan penjagaan kesihatan. Kita sering mendengar tentang berlakunya peristiwa-peristiwa yang tidak dijangka hampir setiap hari di dalam kehidupan kita. Berapa kerapkah anda mendengar rakan atau ahli keluarga yang jatuh sakit, dan mendapati dirinya disahkan menghidap penyakit kritikal?

Tanpa perlindungan yang secukupnya, kita kadang kala berasa tidak berdaya apabila dilanda musibah. Bersiap sedia dengan satu perancangan kewangan adalah satu langkah bijak yang perlu diambil sekarang. Hidup anda amat berharga. Bukan hanya kepada anda, tetapi juga kepada mereka yang anda kasihi. Satu perancangan kewangan yang baik akan membantu anda di saat memerlukan, membolehkan anda memberi tumpuan untuk pulih, manakala hal-hal lain diuruskan untuk anda.

## Temui satu pelan kewangan yang memberi anda yang terbaik

**PruBSN CrisisCover** adalah satu pelan yang dihasilkan dengan teliti untuk memberi perlindungan meluas untuk anda dan orang tersayang daripada krisis kewangan sekiranya kejadian yang tidak diingini berlaku. Penyakit-penyakit kritikal seperti serangan jantung, kanser, penyakit arteri koronari, strok, kegagalan buah pinggang, penyakit hati kronik adalah antara penyakit-penyakit berkaitan yang dilindungi, serta kehilangan nyawa dan hilang upaya kekal dan menyeluruh.

Selain daripada itu, anda juga boleh mengambil perlindungan tambahan untuk mengukuhkan lagi tahap perlindungan anda.

**PruBSN CrisisCover.** Bantuan di saat anda paling memerlukannya.

## Bagaimana PruBSN CrisisCover membantu anda

Bantuan kewangan di saat memerlukan	Memberikan anda wang tunai sekiranya anda disahkan menghidap salah satu daripada 36 penyakit kritikal yang dilindungi supaya anda boleh mendapatkan rawatan yang sepatutnya.
Perlindungan kewangan untuk keluarga anda	Memberikan keluarga anda wang tunai sekiranya anda kehilangan nyawa, supaya mereka dapat meneruskan kehidupan mereka tanpa perlu risau tentang kewangan.
Perlindungan kewangan untuk anda	Memberikan anda wang tunai sekiranya anda tidak dapat terus menyara hidup disebabkan hilang upaya kekal dan menyeluruh.
Lindungi anda daripada tekanan kewangan	Anda tidak perlu bimbang tentang masalah kewangan ketika berdepan dengan krisis.
Dapatkan rawatan perubatan yang lebih baik	Dengan menerima wang tunai tersebut, rawatan perubatan yang terbaik boleh diperolehi.
Kos minimum dengan manfaat maksimum	Memastikan perlindungan kewangan sepenuhnya dengan sumbangan serendah RM0.67 <sup>1</sup> sehari!
Jaminan tempat tinggal bagi keluarga anda	Gunakan wang tunai dari pelan ini untuk menyelesaikan gadai janji rumah anda bagi menjamin tempat tinggal keluarga anda sekiranya sesuatu yang tidak dijangka berlaku kepada anda.

<sup>1</sup> Anggaran berdasarkan pada umur dan pelan.

## Bagaimana anda boleh meningkatkan lagi perlindungan PruBSN CrisisCover anda?

Anda boleh mempertingkatkan perlindungan **PruBSN CrisisCover** anda menerusi manfaat-manfaat tambahan pilihan berikut.

<b>Memastikan bantuan kewangan berterusan untuk keluarga anda</b>	<b>Family Income Benefit</b> memberikan orang yang anda kasihi pendapatan bulanan untuk 120 bulan sekiranya anda hilang upaya kekal dan menyeluruh sebelum berumur 70 tahun atau disahkan menghidap penyakit kritikal atau kehilangan nyawa.
<b>Memastikan perlindungan berterusan</b>	<b>Spouse Contributor</b> membayar sumbangan-sumbangan anda pada masa depan sekiranya pasangan anda disahkan menghidap penyakit kritikal, atau hilang upaya kekal dan menyeluruh atau meninggal dunia. <b>Parent Contributor</b> akan membayar untuk sumbangan-sumbangan pada masa depan anak anda sekiranya anda disahkan menghidap penyakit kritikal, atau hilang upaya kekal dan menyeluruh atau meninggal dunia.

## Siapakah yang boleh menyertai PruBSN CrisisCover?

Anda boleh mengambil pelan ini seawal umur 19 tahun sehingga umur 65 tahun.

Anda juga boleh mula melindungi anak anda seawal umur 2 minggu.

Anda boleh memilih tempoh perlindungan tertakluk kepada minimum 10 tahun dan umur tamat tempoh sehingga 80 tahun.

## Apakah manfaat-manfaat yang diberikan untuk umur 5 tahun ke bawah?

Jika berlaku penyakit kritikal, hilang upaya atau kehilangan nyawa sebelum umur 5 tahun, jumlah perlindungan asas yang dikurangkan akan dibayar seperti berikut. Ini dinamakan lien juvenil.

Umur	1	2	3	4	5 dan ke atas
Peratusan Jumlah Perlindungan Asas yang Dibayar	20%	40%	60%	80%	100%

## Berapakah sumbangan bagi PruBSN CrisisCover?

Sumbangan bulanan minimum untuk pelan ini ialah RM20. Walaubagaimanapun, sumbangan sebenar adalah tertakluk kepada yang berikut:

- umur anda
- jumlah dan tempoh perlindungan anda
- status kesihatan anda
- pekerjaan anda (jika berkenaan)
- jantina anda
- kaedah dan kekerapan pembayaran anda

## Apakah caj-caj yang dikenakan dalam PruBSN CrisisCover?

**PruBSN CrisisCover** adalah berlandaskan model Wakalah Bil Ajr di mana sumbangan anda akan dimasukkan ke dalam akaun anda setelah kami mengambil caj wakalah. Ini adalah yuran bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang kami sediakan.

Butiran mengenai caj wakalah dan lain-lain caj berkaitan disenaraikan seperti dalam jadual di bawah.

Jenis caj	Butiran caj												
Caj wakalah pendahuluan	<p>Caj ini digunakan untuk membayar komisen dan perbelanjaan berkaitan pengagihan serta untuk menguruskan dan melabur Dana Tabarru'. Caj sebagai peratusan<sup>2</sup> daripada sumbangan anda adalah seperti di bawah.</p> <table border="1"><thead><tr><th>Tahun sijil</th><th>1</th><th>2</th><th>3 – 4</th><th>5 – 6</th><th>7 dan ke atas</th></tr></thead><tbody><tr><td>Caj wakalah pendahuluan</td><td>75%</td><td>55%</td><td>35%</td><td>20%</td><td>0%</td></tr></tbody></table>	Tahun sijil	1	2	3 – 4	5 – 6	7 dan ke atas	Caj wakalah pendahuluan	75%	55%	35%	20%	0%
Tahun sijil	1	2	3 – 4	5 – 6	7 dan ke atas								
Caj wakalah pendahuluan	75%	55%	35%	20%	0%								
Caj sijil	Caj sebanyak RM24 dikenakan setiap tahun. Caj ini adalah bagi kos pengurusan sijil anda.												
Tabarru'	Kami menolak suatu amaun setiap bulan berdasarkan umur, jantina, status kesihatan, pekerjaan (jika berkenaan) dan jumlah perlindungan sepanjang tempoh perlindungan.												

<sup>2</sup> Ini adalah caj untuk sijil yang bertempoh 20 tahun atau lebih. Untuk sijil yang mempunyai tempoh kurang daripada 20 tahun, ia akan dikurangkan sewajarnya. Sila rujuk kepada ilustrasi pelan untuk maklumat yang lebih terperinci.

## **Bagaimanakah perkongsian Keuntungan Pelaburan berdasarkan prinsip-prinsip Mudharabah dilaksanakan?**

Prinsip Mudharabah membenarkan sebarang keuntungan pelaburan daripada Akaun Khas Individu (ISA) dikongsi di antara anda dan kami. Anda akan menerima 80% daripada keuntungan pelaburan, sementara kami akan menerima baki 20%. Bahagian keuntungan anda akan dimasukkan semula ke dalam ISA anda.

## **Adakah saya akan menerima sebarang lebih daripada pelan ini?**

Anda layak menerima sekurang-kurangnya 50%<sup>3</sup> daripada lebih yang boleh diberikan (jika ada) pada setiap tahun. Baki sehingga 50%<sup>3</sup> dikongsi bersama kami sebagai insentif untuk mengurus Dana Tabarru'. Bahagian lebih anda yang boleh diberikan akan dimasukkan semula ke dalam ISA anda.

<sup>3</sup> *Amaun sebenar bagi lebih yang boleh diberikan akan diputuskan secara tahunan dan tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah Prudential BSN Takaful Berhad.*

## Nota-nota penting

- Risalah ini bukan merupakan satu kontrak di antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad. Terma dan syarat yang lengkap boleh didapati dalam dokumen sijil. Sila minta sampel terma-terma dan syarat-syarat jika anda perlukan maklumat terperinci mengenai pelan tersebut.
- Risalah ini diterbitkan hanya untuk maklumat dan tidak berkaitan dengan matlamat-matlamat kewangan, situasi dan keperluan mana-mana individu tertentu.
- Dalam risalah ini, Umur merujuk kepada Umur pada Tarikh Lahir akan Datang, melainkan dinyatakan sebaliknya.
- Pulangan daripada pelaburan anda adalah berdasarkan pada prestasi sebenar dana dan ia tidak dijamin.
- Risiko pelaburan dana anda ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah sumbangan anda.
- Anda hendaklah terus membayar sumbangan anda secara tetap sehingga pelan anda matang bagi memastikan bahawa anda atau anak anda dilindungi sepenuhnya di bawah pelan ini pada setiap masa. Kegagalan untuk berbuat demikian mungkin menyebabkan perlindungan anda tamat sebelum masanya.
- Anda berhak mendapat pelepasan cukai individu dari segi sumbangan anda sehingga RM6,000 setahun apabila anda mengambil bahagian di dalam pelan ini, tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
- **PruBSN CrisisCover** tidak menyediakan sebarang amaun manfaat daripada Dana Tabarru' pada penamatan, tamat tempoh atau kematangan sijil.
- Pelan ini boleh dibatalkan melalui permintaan bertulis kepada kami di dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran dokumen-dokumen sijil, yang mana kami akan membayar balik sumbangan yang diterima daripada anda selepas ditolak sebarang caj pemeriksaan perubatan yang ditanggung oleh PruBSN semasa menilai risiko di bawah sijil.
- Mengambil bahagian di dalam pelan takaful keluarga adalah satu komitmen jangka panjang. Penamatan awal sijil selalunya melibatkan kos-kos yang tinggi dan nilai serahan yang akan dibayar kepada anda mungkin kurang daripada jumlah sumbangan keseluruhan yang telah anda bayar.

## Pengecualian

**PruBSN CrisisCover** tidak akan memberi perlindungan untuk situasi-situasi berikut. Sekiranya ini berlaku, manfaat-manfaat yang disediakan di bawah pelan TIDAK AKAN dibayar kepada anda.

- Jika tanda-tanda penyakit kritikal dilihat di dalam tempoh yang dinyatakan dari tarikh permulaan sijil
  - 60 hari bagi angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, kanser, pembedahan pintasan arteri koronari, serangan jantung atau penyakit arteri koronari serius.
  - 30 hari bagi penyakit-penyakit kritikal yang lain.
- Jika penyakit kritikal tersebut merebak daripada keadaan yang telah wujud sebelum ini.
- Jika penyakit kritikal tersebut disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh AIDS yang diperolehi atau sebarang jangkitan HIV, kecuali AIDS dengan gejala penuh atau HIV yang disebabkan oleh transfusi darah.
- Jika berlaku kehilangan nyawa akibat bunuh diri di dalam tempoh setahun dari tarikh permulaan sijil.
- Jika berlaku hilang upaya kekal dan menyeluruh disebabkan percubaan membunuh diri dan kecederaan akibat perbuatan sendiri.
- Jika hilang upaya kekal dan menyeluruh terjadi kerana anda terlibat di dalam aktiviti udara berbahaya (termasuk payung terjun dan penerjunan udara) melainkan anda adalah sebahagian daripada anak kapal atau penumpang yang membayar di dalam pesawat komersial berlesen yang beroperasi pada laluan biasa dan ditetapkan.
- Jika anda tidak mendedahkan maklumat penting seperti sebarang penyakit yang telah anda hidapi sebelum ini dan sebagainya semasa anda memohon pelan ini.



## Penyakit-penyakit Kritikal

### Senarai 36 penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi

Penyakit Alzheimer / Demensia teruk	Ensefalitis	Transplan organ utama / sumsum tulang
Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari	Kegagalan hati tahap akhir	Penyakit sistik medular
Meningitis bakteria	Penyakit paru-paru tahap akhir	Penyakit neuron motor
Tumor otak benign	AIDS dengan gejala penuh	Sklerosis Multipel
Buta	Hepatitis viral fulminan	Kelumpuhan anggota
Pembedahan otak	Serangan jantung	Penyakit Parkinson
Kanser	Pembedahan injap jantung	Hipertensi arteri pulmonari primer
Kardiomiopati	Jangkitan HIV melalui transfusi darah	Penyakit arteri koronari serius
Anemia aplastik kronik	Kegagalan buah pinggang	Strok
Koma	Kehilangan upaya hidup sendiri (berdikari)	Pembedahan aorta
Pembedahan pintasan arteri koronari	Hilang keupayaan bertutur	Lupus eritematosus sistemik dengan komplikasi buah pinggang yang teruk
Pekak	Trauma kepala major	Kelecuran tahap ketiga

Ketahuiilah bagaimana untuk melindungi diri dan keluarga anda melalui satu pelan yang menyeluruh dan sesuai yang direka khas untuk anda. Dapatkan pelan yang paling sesuai untuk anda dan keluarga daripada kami di Prudential BSN Takaful dengan menghubungi kakitangan atau ejen kami untuk mendapatkan khidmat nasihat dan pilihlah perlindungan yang terbaik untuk anda hari ini.

# PRUDENTIAL BSN

## TAKAFUL



**PruBSN CrisisCover** adalah produk yang berasaskan Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan di kawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

**PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD** (740651-H)

Tingkat 8A, Menara Prudential, No. 10, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

Tel: (03) 2053 7188 Faks: (03) 2072 6188

E-mel: [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my) SMS **PruBSN** dan hantar ke **33080**

Anda juga boleh melayari [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my)

AHLI



**Penting:** Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.